

**Malay A: literature – Standard level – Paper 1**  
**Malais A : littérature – Niveau moyen – Épreuve 1**  
**Malayo A: literatura – Nivel medio – Prueba 1**

Wednesday 4 May 2016 (afternoon)

Mercredi 4 mai 2016 (après-midi)

Miércoles 4 de mayo de 2016 (tarde)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**Instructions to candidates**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a guided literary analysis on one passage only. In your answer you must address both of the guiding questions provided.
- The maximum mark for this examination paper is **[20 marks]**.

**Instructions destinées aux candidats**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez une analyse littéraire dirigée d'un seul des passages. Les deux questions d'orientation fournies doivent être traitées dans votre réponse.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est de **[20 points]**.

**Instrucciones para los alumnos**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un análisis literario guiado sobre un solo pasaje. Debe abordar las dos preguntas de orientación en su respuesta.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es **[20 puntos]**.

Tulis satu ulasan sastera terarah tentang **satu** petikan sahaja. Jawapan anda mestilah merangkumi kehendak kedua-dua soalan panduan yang diberikan.

1.

### Penjaga Lif Bunuh Diri

Setelah berbulan-bulan melihat dia duduk di situ; pagi itu riuh-rendah dengan cerita mengatakan: "Penjaga Lif sudah mati bunuh diri." Seorang yang lain menyampaikan cerita bahawa, mayat penjaga lif itu ditemui dengan mulut berbuih. "Pastinya dia menelan racun serangga," kata cerita itu.

5 Kejadian itu berlaku tengah malam – sangat-sangat tengah malam. Ketika semua penghuni sudah tidur; lina berdengkur dalam kesejukan kerana kebetulan sejak jam 10.00 malam, hujan lebat turun dengan diiringi bunyi guruh berdentum serta cahaya kilat yang menyilaukan langit. Sudah seminggu hujan turun – sentiasa saja pada sebelah malam hingga menjelang pagi.

10 "Kami jumpa mayatnya tergantung dan pintu lif terbuka," kata Tuan Pengurus yang kurus kering tubuhnya, serta nampak sangat bersungguh-sungguh mengulang-ulang cerita pada setiap orang yang ditemuinya.

Pengawal Keselamatan yang mendengar cerita itu, menjuihkan bibirnya sambil menjelingkan matanya kepada setiap yang mendengar cerita itu mengisyaratkan cerita itu bukan satu kebenaran. Sebaik sahaja Tuan Pengurus pergi – cepat-cepat didekatinya orang yang mendengar cerita itu – dan kemudian berkata, "Tuan Pengurus pemalas itu masuk kerja lepas tengah hari, mana dia tahu apa yang berlaku pada waktu pagi. Mayat ditemui orang pada awal pagi. Dia tak ada di situ pun."

20 Seperti selalu – Pengawal Keselamatan itu memang sentiasa bercerita. Dia pernah bercerita mengenai seekor ular yang menduduki rumah kosong di Tingkat Tiga, serta kelibat wanita cantik yang selalu berkeliaran di tingkat yang sama; memakai baju labuh putih, dan membawa sebilah pisau tajam.

25 "Saya nampak dalam gelap ketika meronda di laluan Tingkat Tiga – sepasang mata bersilau dalam kelim. Saya suluh dan nampak kepala seekor ular berwarna hitam; matanya merah menyala. Ular itu memandang tajam – saya lari ketakutan," katanya bersungguh-sungguh sambil menghisap rokok kereteknya.

Kami tinggal di apartmen empat tingkat yang sudah uzur; dibina lebih suku abad; dengan lif tua yang selalu rosak, serta saluran air tandas yang asyik tersumbat. Sejak setahun lalu, lif rosak – jadi kami menggunakan tangga naik turun – sambil menghidu bau busuk kerana banyak saluran najis yang sudah bocor dan airnya selalu menitis di sana sini, terutama di saluran berdekatan tangga. Kalau hujan lebat, aliran air akan menyapu takungan lelehan najis yang bertompok-tompok di tepi tangga, lalu dihanyutkan turun sampai ke kawasan parkir tingkat bawah. Bau busuk dan mencucuk hidung.

35 "Bila lagi akan dibaiki semua ini?" tanya Penghuni Tingkat Bawah yang tidak tahan lagi dengan bau loya yang menyerang sampai ke dalam rumahnya.

"Kami tidak dapat berbuat apa-apa," kata Tuan Pengurus. "Kebocoran berlaku di Tingkat Tiga. Tempat itu berhantu. Tak ada kontraktor yang berani membaikinya.

40 Sejak itu, tidak ada sesiapa pun yang berani mengajukan soalan. Kami memang mengelak daripada mendengar kisah-kisah ngeri di Tingkat Tiga. Kisah ular hitam bermata merah serta hantu gadis Jepun yang merayau-rayau dengan sebilah pisau tajam – sering mengganggu ingatan kami pada malam hari. Malah ada penghuni yang mengaku turut melihat kelibat gadis itu merayau-rayau di kawasan parkir.

Selain bau busuk – setelah lif yang berkali-kali rosak itu kembali tidak berfungsi beberapa bulan lalu – semua penghuni menggunakan tangga. Cuma bagi yang tinggal di Tingkat Empat; kami agak seram kalau melalui tangga Tingkat Tiga. Bayangan ular besar bermata merah itu serta kelibat gadis Jepun berbaju putih itu, sentiasa sahaja menghantui fikiran.

“Ular besar itu tidak merayau,” kata seorang penduduk, “Jadi elakkan bermain di tangga Tingkat Tiga. Jangan sesekali bermain di situ.”

Kami menerima nasihat itu, tetapi tertanya-tanya, “Macam mana pula dengan hantu gadis Jepun itu?”

“Jangan risau,” katanya lagi, “Hantu itu bukan mencari kamu. Dia cari pembunuhnya!”

“Siapa yang bunuh gadis Jepun itu?” kami bertanya.

“Entahlah,” jawab Penduduk itu lagi. “Pergi tanya dengan Pengawal Keselamatan. Dia tahu semua perkara.”

Pagi minggu itu – keadaan riuh-rendah. Seorang penduduk menjerit, “Hantu! Hantu!”

Kami semua berlari keluar rumah dan menuruni tangga lalu menuju ke arah parkir.

Suara jeritan itu datang dari situ. Alangkah terperanjatnya setelah melihat Penjaga Lif sedang duduk bersandar sambil terlelap di dinding tepi lif. Kami terkedu seketika; hingga muncul seorang Wanita Tua yang tinggal di Tingkat Satu. Tanpa ragu-ragu dia mendekati Penjaga Lif yang nampaknya sedang lena nyenyak. Wanita Tua itu menjuah hujung payungnya berkali-kali sehingga Penjaga Lif itu tersentak dan terjaga.

“Apa ni?” rungut Penjaga Lif ketika merasakan tujahan payung itu.

“Bukankah kamu sudah mati bunuh diri?” tanya Wanita Tua itu.

“Siapa kata aku bunuh diri?” tukasnya dengan suara separuh menjerit.

“Kamu mati gantung diri dalam lif ini, seminggu lalu!”

“Mana ada?” jawab Penjaga Lif. “Aku berhenti kerja. Mereka memaksa aku bekerja sepanjang hari dan sepanjang minggu. Gajiku kecil. Jadi aku berhenti.”

Wanita Tua itu menyergah, “Habis, apa kamu buat di sini?”

Penjaga Lif diam sebentar dan kemudian berkata, “Aku gagal mencari kerja lain.

Isteriku sakit. Jadi aku bertemu Tuan Pengurus lalu merayu agar diterima bekerja semula. Dia menghalauku. Jadi aku pergi ke rumah Tuan Besar.”

“Aku rayu diterima semula,” katanya. “Tuan Besar setuju, tetapi gajiku dipotong sedikit.”

Suara Penjaga Lif terdengar sayu. Wanita Tua itu terdiam. Kami juga terdiam.

Begitu banyak yang kami fikirkan. Tentunya berita tentang kematian Penjaga Lif yang dikatakan membunuh diri seminggu lalu. Perihal mayat yang ditemui tergantung di dalam lif. Kami juga mula terfikirkan mengenai ular hitam bermata merah serta hantu gadis Jepun yang merayau dengan sebilah pisau tajam. Begitu banyak misteri. Begitu banyak ketakutan yang diciptakan untuk kami.

Zainal Rashid Ahmad, *Dewan Sastera* (2015)

- (a) Huraikan kesan elemen tahyul dalam petikan di atas.
- (b) Huraikan bagaimana pengarang menggunakan teknik deskriptif dan kesannya dalam petikan di atas.

2.

### Keris Itu Masih di Tanganmu

- Keris itu masih di tanganmu  
untuk menyambung perjuangan  
yang sewaktu-waktunya  
engkau terpaksa mengalah  
5 hati terhiris luka  
suara terpaksa membisu  
diam mematahkan fitnah  
berlembut mencari hikmah.
- Jika terlalu pahit kurasai  
10 kembalilah kepada realiti  
perjuangan itu pasti ada ranjau durinya  
perjuangan itu pasti ada liku-likunya  
perjuangan itu pasti ada pahit getirnya  
perjuangan itu pasti ada rebah bangunnya  
15 jika genting janganlah kauputuskan  
jika tegang janganlah kaurentapkan  
jika retak janganlah kauhancurkan  
jika putus janganlah kauhanyutkan  
jika bocor janganlah kaukaramkan.
- 20 Ketika kini engkau teruji erti ketabahan  
setia seorang musuh tikaman seorang sahabat  
jujur seorang seteru fitnah seorang kerabat  
kerana sewaktu-waktunya  
yang diam mentertawakan kita  
25 yang mengangguk membenci kita  
yang berpura-pura rajin bersuara  
yang menentang menjadi sahabat  
yang bijak merendahkan suara  
yang berhemah memanjatkan doa  
30 yang setia rela mengorbankan dirinya.
- Keris itu masih di tanganmu  
untuk menyambung perjuangan  
setelah engkau menjahit dengan ketajaman  
seharusnya engkau telah belajar dan mahir  
35 menepis tikaman mencemburui persahabatan  
kerana yang mengatur kejatuhan  
bukanlah musuh tetapi muslihat seorang teman.

Ahmad Sarju, *Dewan Budaya* (2000)

- (a) Nyatakan unsur-unsur perlambangan di sebalik ungkapan Keris dan huraikan maksudnya.
- (b) Sejauh manakah unsur perulangan/repetisi mempertingkatkan kefahaman anda terhadap sajak di atas?